

# DBKL sita barangan penjaja di Jalan Klang Lama

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita dan memindahkan halangan milik penjaja di sekitar Jalan Batu 4 1/2, Jalan Klang Lama di sini.

Dalam satu hantaran di Facebooknya pada Selasa, DBKL memaklumkan operasi dijalankan Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan serta Pejabat Cawangan Seputeh.

“Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL melakukan enam kes sitaan dan pindah halangan menerusi peruntukan di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

“Antara barangan yang disita ialah meja dan kerusi plastik, kanopi, tong gas dan lain-lain peralatan,” menurut hantaran itu.

Kesemua barangan yang disita dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

“Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya.